

### Kata Hampir Sama Makna 3

#### Latihan Pengukuhan 3

Pilih perkataan yang sesuai untuk ayat-ayat berikut:

berkeliaran      berhamburan      berserakan      bertempiaran

1. Lembu ternakan dibiarkan \_\_\_\_\_ di padang.
2. Budak lelaki itu \_\_\_\_\_ apabila dikejar oleh seekor anjing liar.
3. Garam \_\_\_\_\_ dari beg plastik.
4. Buku-buku \_\_\_\_\_ di atas meja selepas dibaca oleh kakak.

---

menanak    menjerang      mengukus      merebus

1. Ibu tidak \_\_\_\_\_ nasi hari ini kerana periuk sudah rosak.
2. Kakak \_\_\_\_\_ dua biji telur untuk sarapan pagi ini.
3. Penjaja itu sedang \_\_\_\_\_ pulut itu dalam kukusan.
4. Pengakap itu \_\_\_\_\_ air dengan menggunakan tin kosong semasa berkelah di Taman Kinabalu.

---

bolak-balik      lalu-lalang      mundar-mandir      pindah-randah

1. Oleh sebab pekerjaannya, Encik Halim terpaksa sering \_\_\_\_\_.
2. Banyak orang yang \_\_\_\_\_ di jalan itu untuk pergi ke platform LRT.

3. Ayah \_\_\_\_\_ di ruang tamu.

4. Ibu \_\_\_\_\_ ke tempat kerjanya setiap hari.